

Headline	MRT berjaya selesaikan 1,500 aduan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Jul 2014	Language	Malay
Frequency	Daily	Circulation	218,251
Readership	654,753	Section	Niaga
Color	Full Color	Page No	55
ArticleSize	190 cm <sup>2</sup>	AdValue	RM 2,436
Journalist	N/A	PR Value	RM 7,308



# MRT berjaya selesaikan 1,500 aduan

**PETALING JAYA** - Sebanyak 80 peratus daripada 1,500 aduan relevan yang diterima Pusat Panggilan 24 jam Mass Rapid Transit (MRT) berjaya diselesaikan dalam tempoh dua tahun.


Pusat Panggilan pertama dalam industri pembinaan di Malaysia itu diuruskan oleh MRT Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) dengan kerjasama MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn. Bhd. (MMC-Gamuda KVMRT)

Timbalan Pengarah Pembinaan MMC-Gamuda KVMRT, Adil Putra Ahmad berkata, pihaknya menerima 2,000 aduan pelbagai jenis berhubung pembinaan MRT dalam tempoh dua tahun.

“Pusat Panggilan tersebut mengendalikan beberapa jenis panggilan iaitu maklum balas, pertanyaan dan aduan yang akan diberi keutamaan untuk diselesaikan mengikut kepentingan.

“Sebagai contoh, bagi kategori keselamatan seperti halangan laluan jalan yang berbahaya disebabkan oleh pembinaan, kami menetapkan tempoh masa untuk menyelesaikannya antara sejam hingga 24 jam,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi taklimat media mengenai Pusat Pang-



AMIR MAHMOOD (berdiri kanan) dan Adil Putra melihat kakitangan di Pusat Panggilan MRT di Petaling Jaya semalam.

gilan tersebut di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak.

Pusat Panggilan 24 jam MRT beroperasi 24 jam dengan bilangan ope-

rator seramai sembilan orang.

Bagi orang ramai yang ingin membuat aduan berkenaan pembinaan projek MRT boleh menghubungi pusat panggilan tersebut di talian 1800-82-6868 atau menghantar e-mail ke [feedback@mymrt.com.my](mailto:feedback@mymrt.com.my).